



06 APR, 2021

## Peluang belia jadi usahawan tani

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 3

# Peluang belia jadi usahawan tani

**Jabatan Pertanian sasar 500 sertai projek ladang kontrak dengan 8 syarikat terpilih**

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Jabatan Pertanian menasarkan 500 individu, terutama graduan dan belia menyertai projek ladang kontrak dengan lapan syarikat terpilih pada tahun ini, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata, kaedah itu sekali gus membuka peluang kerja dalam bidang pertanian kepada masyarakat dan jika sasaran itu dapat dicapai, ia dijangka memberi limpahan manfaat kepada 1,000 individu, manakala nilai untuk kontrak ladang berkenaan turut disasarkan melebihi RM60 juta setahun.

“Kita selalu dengar anak muda

ada kepakaran, tetapi tidak tahu nak buat apa.

“Jadi dengan pelbagai program kementerian, ia membuka peluang pertanian kepada anak muda yang mempunyai kemahiran untuk memulakan kehidupan menjadi usahawan tani atau agropreneur dalam industri agro makanan.

“Kita akan padankan peserta program ini dengan pihak industri serta memberi mereka ilmu bercucuk tanam, nasihat pertanian dan bagaimana mereka boleh menjadi usahawan pertanian.

“Selain itu, sebagai penanam kontrak, kita memberi jaminan kepada mereka hasil tanaman akan dieksport. Ini (jualan eksport) adalah nilai tambah kepada mereka, berbanding jual secara domestik.

“Jaminan jualan penting teru-

tama kepada mereka yang baru memulakan projek pertanian,” katanya selepas merasmikan Program Bicara Bisnes: Selangkah Ke Industri Pertanian, di sini semalam.

Pada program itu, Ronald berkata, seramai 150 graduan terpilih mengikuti program berke-

naan yang merangkumi graduan daripada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan IPT swasta (IPTS) serta lulusan Sijil Pertanian dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

“Menerusi projek ladang kontrak yang dijalankan Jabatan Pertanian, ia juga dapat membantu mereka yang terjejas dengan COVID-19 di negara ini.

“Program ini dilihat memberi manfaat kepada usahawan terbabit dari segi meningkatkan produktiviti ladang, menjamin bekalan mencukupi dan mem-

peroleh harga yang tinggi.

“Selain itu, kita dapat menyelesaikan masalah kekurangan tanah dan sumber tenaga kerja kerana kontak ladang ini akan dibangunkan dengan perkongsian paket teknologi tanaman terbaik,” katanya.



06 APR, 2021

## Peluang belia jadi usahawan tani

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 3



Kiandee berbual bersama peserta selepas merasmikan Program Bicara Bisnes: Selangkah Ke Industri Pertanian di Putrajaya, semalam.  
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)



06 APR, 2021

## Peluang belia jadi usahawan tani

Berita Harian, Malaysia



Page 3 of 3

### SUMMARIES

Jabatan Pertanian sasar 500 sertai projek ladang kontrak dengan 8 syarikat terpilih

Putrajaya: Jabatan Pertanian menyasarkan 500 individu, terutama graduan dan belia menyertai projek ladang kontrak dengan lapan syarikat terpilih pada tahun ini, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.